



# PROGRAM 7 PILLARS: WACANA SOSIAL FASA 2

Oleh: Azilawati Suanda

Program anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar dengan kerjasama Unit Kajian Strategik, Jabatan Canselor ini telah berlangsung pada 22 Februari 2009 yang lalu bertempat di Dewan 2020, Kangar. Program ini telah mewajibkan semua Pelajar Pengajian Peringkat Ijazah, Tahun 2 untuk hadir bagi melengkapkan Kursus Wajib Universiti, 7 Pillars.

Program pada kali ini adalah bertemakan "Mahasiswa Glokal Berpaksikan Perlembagaan". Berdasarkan isu-isu semasa yang sedang hangat diperkatakan di muka akbar seperti ramai dikalangan rakyat Malaysia masih tidak memahami Perlembagaan Persekutuan dimana rata-rata mempersoalkan perlembagaan ini. Oleh yang demikian, usaha penganjur memilih tema ini adalah kerana ingin memperjelaskan dan memberi kefahaman kepada anak-anak muda terutamanya pelajar UniMAP sendiri akan pentingnya ilmu perlembagaan ini supaya mereka dapat memberi ulasan dan pandangan berdasarkan fakta yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pihak UniMAP amat berbesar hati kerana Program Wacana Sosial ini, telah menarik minat DYMM Tuanku Raja Muda Perlis untuk hadir bersama-sama bagi memberi sokongan kepada isu ini. Beliau

juga secara langsung telah merasmikan program ini dimana beliau berharap usaha penganjur dapat diteruskan supaya lebih banyak ilmu-ilmu perlembagaan dapat diterangkan kepada para pelajar. Tidak lupa juga Naib Canselor UniMAP bersama-sama memberi sokongan di samping kehadiran Ketua-ketua Jabatan UniMAP.

Satu forum yang bertajuk "Kedaulatan Undang-undang dan Keluhuran Perlembagaan" telah berlangsung dimana 4 orang ahli panel telah dijemput bagi membincangkan isu ini. Ahli-ahli panel tersebut adalah Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Hj Zainul Ariff Bin Hj Hussain, Y. Bhg. Datuk Prof. Dr. Hjh Ramlah Adam, Y. Bhg. Datuk Mohd Nor Abdullah dan Y. Bhg. Prof. Dr. Aziz Bari. Selain itu, program ini telah dihadiri oleh pengetua sekolah-sekolah di seluruh Perlis di samping menerima sumbangan Buku Perlembagaan Persekutuan kepada setiap sekolah yang terlibat.

Dengan penganjuran program seperti ini diharap dapat memberi input perlembagaan yang berguna kepada pelajar UniMAP supaya mereka menjadi lebih peka dengan keadaan dunia sebenar dan menjadikan mereka lebih berinformasi berkenaan ilmu perlembagaan dan dapat menilai sesuatu perkara dengan lebih relevan.